



13 terima watikah pelantikan

Yang di-Pertuan Agong, Tuanku Mizan Zainal Abidin semalam menyerahkan watikah pelantikan kepada 13 ketua perwakilan Malaysia ke luar negara dalam satu istiadat di Istana Negara, Kuala Lumpur. Mereka adalah Datuk Zainuddin Yahya (Duta Besar ke Belgium); Datuk Adnan Othman (Kuwait); Ahmad Shahizan Abd Samad (Bahrain); Datuk Badrudin Abdul Rahman (Sweden); Datin Paduka

Halimah Abdullah (Itali) dan Datuk Ilankovan Kolandavelu (Sepanyol). Turut menerima watikah pelantikan adalah Yean Yoke Heng (Croatia); Ayauf Bachi (Peru); Dr Ahmad Faisal Muhamad (Myanmar); Datuk Azmil Mohd Zabidi (Vietnam); Ganeson Sivagurunathan (Chile) manakala Datuk Mazlan Muhamad adalah Pesuruhjaya Tinggi ke New Zealand dan Azmi Zainudin, Pesuruhjaya Tinggi ke Sri Lanka.